

24 AUG 1997

Sultan - Yayasan (Bergambar)

SULTAN KEDAH LANCAR YAYASAN TUANKU BAHIIYAH

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Sultan Kedah malam ini bertitah perkongsian pintar antara pertubuhan sukarela, agensi kerajaan dan swasta akan menghasilkan kebaikan ke arah melahirkan masyarakat penyayang khususnya bagi golongan yang masih memerlukan bantuan.

Titah baginda perkongsian serupa itu dapat menggembeleng dengan berkesan tenaga, sumber dan kepakaran bagi membantu menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi masyarakat.

"Kita telah mencapai tahap pembangunan yang sungguh membanggakan... walaupun demikian masih terdapat golongan yang terpinggir dari arus pembangunan atau pun mereka yang kurang keupayaan untuk memperbaiki nasib mereka sendiri," titah baginda ketika melancarkan Yayasan Tuanku Bahiyah di sini malam ini.

Baginda bagaimanapun bersyukur kerana rakyat Malaysia merupakan insan yang senantiasa mengambil berat dan menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

Menurut baginda, penubuhan yayasan itu yang dinamakan sempena Sultanah Kedah tepat pada masanya untuk menjalankan kerja amal secara berterusan khususnya projek "Titian Ehsan" bagi membantu bekas penagih kembali ke pangkuan masyarakat dan tidak terjerumus lagi dalam penagihan.

Puteri baginda, Datuk Seri Tunku Puteri Intan Safinaz selaku Pengerusi Lembaga Pengarah yayasan itu, sebelum itu berkata ilham untuk menubuhkan yayasan itu lahir daripada keinginan Sultanah Kedah yang mahu program kemsyarakatan dijalan lebih aktif.

Katanya, yayasan itu akan berganding bahu dengan semua pihak termasuk dalam projek Titian Ehsan, yang akan menyediakan pusat perantaraan, sokongan praktikal dan moral serta program pemulihan susulan kepada bekas penagih.

Yayasan Sultanah Bahiyah diperbadankan sebagai sebuah syarikat tidak bermotif keuntungan pada 20 Ogos 1996.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri besar Kedah datuk Seri Sanusi Junid dan isteri masing-masing merupakan antara kenamaan yang turut hadir pada majlis itu.

Sultanah Kedah menerima sumbangan RM350,000 bagi pihak yayasan itu pada jamuan malam itu. Baginda juga dipersembahkan dengan kek sempena hari jadi baginda pada majlis itu. -- Bernama

MNY RI